

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Remaja disuntik vaksin selepas 80 peratus dewasa lengkap 2 dos

KKM kemas kini garis panduan klinikal, akan utama individu berumur 16 hingga 17 tahun

Oleh Mohd Roji Kawi, Hafiqah Bahall dan Namadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Vaksinasi terhadap remaja di negara ini, hanya akan dilaksanakan selepas sekurang-kurangnya 80 peratus populasi dewasa di sesebuah negeri itu, melengkapkan dos vaksin masing-masing.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata berdasarkan penanda aras terbabit, vaksinasi terhadap remaja hanya akan dimulakan dengan syarat bekalan vaksin yang mencukupi.

"Sarawak mula memberi vaksin kepada remaja pada minggu ini kerana mereka telah mencapai 80 peratus populasi orang dewasa yang telah divaksin.

"Apa yang kita sarankan, apabila mempunyai bekalan mencu-

kupi dan negara mencapai 80 peratus populasi orang dewasa yang divaksin, kami akan mengesyorkan vaksinasi untuk remaja. Fokus kita adalah kepada yang berisiko tinggi.

"Kita juga telah mengemas kini garis panduan klinikal dan mereka yang berumur 16 hingga 17 tahun akan diutamakan terlebih dahulu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat bersama Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (CI-TF) Sabah di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, di sini, semalam. Yang turut hadir, Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Sementara itu di Kuching, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg, berkata kerajaan negeri masih meneliti lokasi sesuai bagi melaksanakan program vaksinasi remaja berumur antara 12 hingga 18 tahun yang dijadualkan bermula esok.

Katanya, pakar sedang menilai kaedah paling berkesan melaksanakan program itu, sama ada di pusat pemberian vaksin (PPV) sedia ada atau di sekolah masing-masing.

"Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri sedang meneliti perkara ini (kese-



Hajiji (kiri) mempengerusikan mesyuarat bersama Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Sabah yang turut dihadiri Khairy Jamaluddin di Kota Kinabalu, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin /BH)

luruhan proses vaksinasi remaja).

"Kami masih menunggu keputusan rasmi, namun kerajaan negeri sudah bersedia memastikan infrastruktur lengkap bagi menjamin kelancaran program itu," katanya ketika ditemui selepas sambutan Hari Inovasi serta Integriti Jabatan Tanah dan Survei Sarawak di sini, semalam.

Dianggarkan 240,000 remaja berusia 12 hingga 18 tahun di Sarawak akan menerima vaksin

melalui Program Imunisasi COVID-19 (PICK).

Sementara itu di Putrajaya, Ketua Unit Kesihatan Awam yang juga Ketua Penyelaras Program Vaksin Hospital Putrajaya, Dr Siti Alia Elliza, berkata pihaknya sudah sedia melaksanakan suntikan terhadap remaja bawah 18 tahun di Pusat Pemberian Vaksin Khas hospital itu.

Beliau berkata, remaja 18 tahun ke bawah yang menerima

vaksin di PPVK itu terdiri daripada pesakit yang dirujuk oleh doktor pakar hospital berkenaan, selain rujukan daripada pusat kesihatan luar serta PPV awam.

"Kami sudah melaksanakan pemberian vaksin kepada 5,115 penerima bermula Mei lalu," katanya selepas menghadiri majlis penyerahan khemah PPVK pendingin hawa subungan Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH) di sini, semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

KKM fokus bendung wabak di Sabah

Kementerian laksana pelbagai langkah tingkat vaksinasi capai imuniti kelompok

Oleh Rafiqah Dahali
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Kementerian Kesihatan (KKM) akan melaksanakan beberapa inisiatif dan perancangan khusus bagi membantu kerajaan negeri membendung penularan COVID-19 di Sabah, yang semakin meningkat kebelakangan ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata antara komitmen utama pihaknya kini adalah memastikan penghantaran 2.8 juta dos vaksin pada bulan ini ke Sabah, bagi membantu kerajaan negeri meningkatkan kadar vaksinasi harian.

"Kita yakin bahawa Sabah akan dapat meningkatkan kadar

vaksinasi harian kepada 60,000 hingga 70,000 dos suntikan sehari dan kita masih lagi berpegang kepada sasaran 60 peratus daripada penduduk dewasa Sabah akan lengkap vaksinasi pada akhir bulan ini.

"Kemudian, 80 peratus daripada penduduk dewasa Sabah akan lengkap vaksinasi pada penghujung Oktober seperti sasaran nilai ambang yang ditetapkan.

"Untuk kita mencapai sasaran itu, kita akan memperbanyakkan *mobile outreach program* dengan kerajaan negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) akan merancang lebih daripada 130 program itu sepanjang September dan Oktober ini.

"Jadi kita tidak hanya bergantung pada Pusat Pemberian Vaksin (PPV) semata-mata, tetapi juga usaha untuk kita keluar dan melaksanakan program jangkauan luar," katanya selepas mesyuarat bersama CITF Sabah bertempat di Menara Kinabalu, semalam.

Yang turut hadir Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan

Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Semalam, Sabah merekodkan 1,844 kes jangkitan harian baharu, manakala Sarawak merekodkan kes tertinggi 3,714.

Khairy berkata, selain komitmen penghantaran vaksin terbabit, pihaknya dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan segera menghantar peralatan perubatan tambahan termasuk 480 unit silinder oksigen, 24 kotak *oxygen regulator* dan lima kotak ubat-ubatan COVID-19 yang dijangka tiba hari ini.

"Selain itu, ada juga beberapa permintaan tambahan daripada Sabah dan KKM akan menyediakan *modular ICU* dengan kapasiti 10 katil ICU di Hospital Tawau yang operasinya dijangka bermula hujung bulan ini," katanya.

Khairy berkata, KKM juga memperuntukkan 29 buah ambulans tambahan untuk keperluan hospital di Sabah di samping mempertingkatkan bilangan ambulans melalui kaedah penyewaan sementara menunggu proses perolehan ambulans selesai mengikut tatacara perolehan semasa.

Bagi memastikan penggunaan sumber manusia yang optimum di semua fasiliti kesihatan KKM termasuklah di lapangan, Khairy menjelaskan, 97 daripada 150 pegawai lantikan tetap diarah melapor diri di Sabah pada 2 Ogos dan 1 September lalu.

"Seramai 50 pegawai perubatan tambahan akan ditawarkan pelantikan tetap bermula 13 September," katanya.

Sementara itu, mengulas kematian berkaitan COVID-19 yang tinggi termasuk di negeri yang sudah menerima kadar vaksinasi tinggi seperti Lembah Klang dan Sarawak, Khairy berkata, jumlah itu tidak menggambarkan kematian dalam tempoh 24 jam.

"Untuk Lembah Klang, kita akan mula melihat penurunan angka kematian dalam dua hingga tiga minggu selepas kita menyelesaikan tunggakan angka kematian.

"Kami akan dedahkan pada Rabu ini data baharu (mengenai kematian). Kematian itu tidak terjadi dalam tempoh 24 jam, ada banyak tunggakan angka kematian kerana kita perlu mengesahkan bahawa mereka yang mati

adalah benar-benar berpunca daripada COVID-19," katanya.

Mengulas kes kematian di luar fasiliti kesihatan atau *brought in dead* (BID), Khairy menjelaskan, majoriti daripadanya didapati tidak menjalani ujian saringan dan disebabkan itu, mereka tidak berada di bawah pemantauan fasiliti kesihatan.

"Kalau kita melihat masalah BID ini, sebahagian besar dari BID yang berlaku di negara kita adalah berlaku dalam kalangan mereka yang tidak berada di bawah jagaan KKM atau fasiliti kesihatan.

"Jadi kita mahu pastikan bahawa mereka yang tidak berada di bawah jagaan fasiliti kesihatan, pejabat kesihatan daerah ataupun klinik swasta, maka mereka mestilah mendapat rujukan ataupun diletakkan di bawah jagaan kita.

"Jika mereka menjalani kuarantin di rumah, sekurang-kurangnya pemantauan dibuat dan memuat naik laporan sendiri status kesihatan mereka. Jika mereka didapati menunjukkan gejala, kita boleh melakukan intervensi," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Suri rumah didenda RM12,000 sebar berita palsu vaksin

Kuala Lumpur: Padah menyebarkan berita tidak benar mengenai vaksin menerusi hantaran video dalam aplikasi Facebook, seorang suri rumah didenda RM12,000 atau dipenjarakan enam bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim M M Edwin Paramjothy menjatuhkan hukuman itu ke atas Tengku Noor Azlin Wa Kembang Tengku Azizan, 46, selepas mengaku bersalah menyebarkan berita tidak benar melalui hantaran video bertajuk 'Siapa yang dah daftar! Lelaki ini bongkar bahayanya vaksin COVID-19?' dalam Facebook.

Dia mengaku menyebarkan video berkenaan dengan niat untuk menyebarkan kebimbangan kepada orang awam melalui aplikasi Facebook dengan nama profil 'Kak Siti Wakembang' pada 11.44 malam, 25 Mei lalu.

Hantaran itu kemudian dibaca pada 8.30 pagi, 3 Jun di Kementerian Kesihatan (KKM) di Putrajaya dan pertuduhan mengikut Seksyen 4(1) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No.2) 2021 yang membawa hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Edwin berkata, kesalahan dilakukan Tengku Noor Azlin Wa Kembang berkemungkinan mendatangkan kekusaran kepada orang awam sekali gus membantutkan usaha kerajaan memerangi pandemik COVID-19.

"Tempoh masa kesalahan dilakukan adalah pada masa kerajaan bertungkus-lumus menjalankan program vaksinasi secara menyeluruh membasmi penularan COVID-19," kata hakim itu.

Tengku Noor Azlin Wa Kembang yang tidak diwakili peguam bela, merayu hukuman ringan atas alasan dia tidak bekerja dan tidak berniat untuk menjadikan video itu tular.

"Saya mengaku bersalah...dalam kes ini niat saya hanya untuk mendapatkan komen sahabat dan berikan pendapat mereka pada video itu," katanya.

Pengarah Pendakwaan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datin Kalimizah Salleh, memohon hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat kerana perbuatannya boleh mendatangkan kebimbangan kepada awam ketika negara masih berperang dengan COVID-19. **BERNAMA**

Penularan COVID-19

Sarawak catat kes tertinggi

Negeri rekodkan 3,714 jangkitan, sementara angka di Kuala Lumpur, Selangor mula berkurangan

Oleh Rafidah Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jangkitan baharu COVID-19 di Sarawak semalam dilaporkan sebanyak 3,714, sekali gus menjadi negeri dengan kes tertinggi mengatasi Selangor yang mencatat sebanyak 2,126 kes.

Selangor mencatatkan peningkatan kes sejak April lalu dan kekal sebagai negeri yang merekodkan angka tertinggi kes harian baharu mengatasi negeri lain dan negeri berkenaan mencatatkan ledakan angka harian tertinggi melebihi 7,000 pada bulan Julai.

Bagaimanapun, bilangan kes harian di Selangor dan Kuala Lumpur mula menunjukkan penurunan setelah Lembah Klang mencapai imuniti kelompok dengan peratusan vaksinasi penduduk dewasa melebihi 80 peratus, dengan Kuala Lumpur semalam mencatat 398 kes baharu.

Memperincikan kes baharu semalam, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Johor mencatatkan 2,101; Sabah (1,844); Kedah (1,599); Pulau Pinang (1,558); Kelantan (1,213) dan Perak (1,082).

"Sementara itu, negeri yang merekodkan kes di bawah 1,000 adalah Terengganu 700 kes; Pahang (463); Melaka (295); Negeri Sembilan (193); Perlis (38); Putrajaya (23) dan Labuan lima kes," katanya.

Sementara itu, pada peringkat nasional, jumlah kes baharu COVID-19 semalam mencatat penur-



Penduduk Sungai Apong, Kuching dan kawasan sekitarnya mendapatkan suntikan secara 'walk in' di bas pesiaran yang diubah suai menjadi klinik mini. (Foto Nadim Bokhari/BH)

runan apabila merekodkan 17,352 kes berbanding 20,396 kes kelmarin.

Dr Noor Hisham menerusi hantaran di media sosial berkata, dengan jumlah kes baharu itu, kumulatif kes COVID-19 di Malaysia kini adalah sebanyak 1,862,187 kes.

Hingga kini jumlah jangkitan aktif adalah 252,668 dengan kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) sebanyak 1,355 dan sebanyak 745 memerlukan bantuan pernafasan.

Selain itu, 272 kematian direkodkan semalam, termasuk 81 di luar fasiliti kesihatan (BID) memabitkan 56 warganegara dan 15 warga asing.

Daripada keseluruhan jangkitan baharu semalam, 268 kes adalah kategori 3 hingga kategori 5, sebanyak 191 kes (71.3 peratus) terdiri daripada mereka yang tiada sejarah vaksinasi atau tidak lengkap vaksinasi berbanding hanya 77 kes (28.7 peratus) daripada mereka yang telah lengkap di vaksinasi.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Sarawak kini catat jangkitan tertinggi

Kuala Lumpur: Kes baharu Covid-19 mencatatkan penurunan semalam apabila merekodkan sebanyak 17,352 kes menjadikan jumlah keseluruhan 1,862,187 kes dengan 252,668 kes aktif dan 272 kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 268 kes kategori tiga hingga lima yang dilaporkan bagi tempoh yang sama, sebanyak 191 kes atau 71.3 peratus terdiri daripada mereka yang tiada sejarah vaksinasi atau tidak lengkap vaksinasi berbanding hanya 77 kes atau 28.7 peratus daripada mereka yang lengkap di vaksinasi.

"Situasi ini jelas menunjukkan mereka yang lengkap divaksinasi adalah lebih terlindung dan kurang berisiko mendapat jangkitan Covid-19 yang teruk," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada 17,352 kes dilaporkan, lapan kes membabitkan kes import manakala 17,344 kes lagi adalah penularan tempatan.

"Sarawak mencatatkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 3,713 kes diikuti Selangor yang terus merekodkan penurunan kes positif dengan 2,126 kes dan

Johor dengan 2,101 kes.

"Terdapat 975 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), 435 kes pula memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Katanya, sebanyak 20,201 kes pula dilaporkan pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 1,591,028 kes atau 85.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Terdapat 272 kematian dilaporkan hari ini (semalam) membabitkan 227 warga tempatan serta 45 warga asing dengan Selangor dan Johor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 63 kes diikuti Sabah (31 kes) dan Kuala Lumpur (21 kes).

"Kes-kes itu menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 18,491 kes atau 0.99 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.



Terdapat 975 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), 435 kes pula memerlukan bantuan pernafasan"

Dr Noor Hisham

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Sarawak catat penularan Covid-19 tertinggi semalam

Kes Selangor turun ke angka 2,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA - Jangkitan kes Covid-19 di Selangor buat pertama kalinya mencatatkan angka 2,000 sejak dua bulan lalu dengan 2,126 kes semalam.

Kali terakhir Selangor mencatatkan angka 2,000 ialah pada 5 Julai lalu dengan 2,610 kes.

Dalam pada itu, Sarawak mencatatkan kes harian melebihi Selangor iaitu sebanyak 3,714 kes.

Kes baharu semalam mencatatkan sebanyak 17,352 kes termasuk lapan kes import menjadikan jumlah kes positif Covid-19 dalam negara sebanyak 1,862,187 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sarawak merekod-

kan sebanyak 3,714 kes, diikuti oleh Selangor sebanyak 2,126 dan Johor sebanyak 2,101 kes.

"Sabah (1,844 kes), Kedah (1,599 kes), Pulau Pinang (1,558 kes), Kelantan (1,213 kes), Peñak (1,082 kes), Terengganu (700 kes), Pahang (463 kes), Kuala Lumpur (398 kes), Melaka (295 kes) dan Negeri Sembilan (193 kes).

"Selebihnya, Perlis (38 kes), Putrajaya (23 kes) dan Labuan (lima kes)," katanya pada ciapan Twitter semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, negara semalam mencatatkan pertambahan kematian pesakit Covid-19 sebanyak 272 kes.

"Pesakit meninggal dunia itu turut melibatkan 81 kes kematian di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) terdiri daripada

56 warganegara dan 25 bukan warganegara."

"Jumlah pesakit yang masih dirawat dan diasingkan kini adalah seramai 252,688 dengan 975 individu sedang menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU), manakala 435 pesakit sedang menerima bantuan alat pernafasan," katanya.

Tambahnya, pesakit sembuh pula mengatasi kes harian dengan 20,201 kes menjadikan jumlah keseluruhan individu pulih sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 1,591,028 kes.

Jelas beliau, status terkini kapasiti dan penggunaan katil Covid-19 di seluruh negara setakat 5 September adalah katil bukan ICU sebanyak 76 peratus dan katil ICU sebanyak 86 peratus.

Laporan kematian harian bukan gambaran dalam tempoh 24 jam

KOTA KINABALU - Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memaklumkan jumlah kematian tinggi berkaitan Covid-19 di tempat dengan kadar vaksinasi tinggi seperti Lembah Klang dan Sarawak, tidak menggambarkan kematian yang berlaku dalam tempoh 24 jam.

Beliau berkata, pihaknya mula melihat penurunan angka kematian di Lembah Klang bagi tempoh dua sehingga tiga minggu sejour menyelesaikan tunggakan angka kematian.

"Terdapat banyak tunggakan angka kematian berikutan perlu mengesahkan individu yang meninggal dunia itu adalah berpunca daripada Covid-19.

"Kita akan memperlihatkan data terbaharu berkaitan angka kematian pada Rabu ini (esok) yang mana statistik berkenaan tidak berlaku dalam tempoh 24 jam," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (CITF) peringkat negeri Sabah bersama Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor.

Sementara itu, ditanya berkaitan peningkatan kes kematian di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID), Khairy Jamaluddin memaklumkan majoriti individu yang meninggal dunia itu tidak menjalani ujian saringan yang menyebabkan mereka tidak berada di bawah pemantauan fasiliti kesihatan.

Menurut Khairy Jamaluddin, pihaknya mahu memastikan

| COVID-19 | |
|---------------------------------------------------------|-----------|
| Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam | |
| Jumlah | |
| Kes Baharu | 17,352 |
| Import | 8 |
| Tempatan | 17,344 |
| Pulih | 20,201 |
| Kematian | 272 |
| Masih dirawat | 252,688 |
| Jumlah kes sembuh | 1,591,028 |
| Jumlah Kematian | 18,491 |
| Jumlah kes keseluruhan | 1,862,187 |

bahawa semua individu yang tidak berada di bawah jagaan fasiliti kesihatan, pejabat kesihatan daerah ataupun klinik swasta harus mendapatkan rujukan atau diletakkan di bawah fasiliti kesihatan sepatutnya.

"Walaupun menjalani kuarantin di rumah, individu berkaitan setidaknya melalui pemantauan dan laporan sendiri mengenai status kesihatan masing-masing.

"Sekiranya menunjukkan gejala, kita boleh melakukan intervensi," katanya.

Semalam *Kosmo!* melaporkan, kes kematian masih melepasi angka 300 untuk tiga hari berturut-turut dengan 336 kes dilaporkan kelmarin, menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat Covid-19 sebanyak 18,219 kes.



SEORANG pengguna mendapatkan kit ujian pantas antigen Covid-19 yang dijual pada harga RM19.90 seunit di sebuah farmasi di Presint 8, Putrajaya semalam. - FAISOL MUSTAFA

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Bantu Sabah tangani Covid-19

KKM laksana penempatan mobilisasi semula tenaga kerja di Sabah

Oleh ASYIKIN ASMIN

KOTA KINABALU



Khairy Jamaluddin (kiri) dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor pada sidang akhbar selepas pengperutusan mesyuarat CITEF Peringkat Negeri Sabah di PPNS Kota Kinabalu pada Isnin.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan penempatan mobilisasi semula tenaga kerja bagi membantu menangani peningkatan kes Covid-19 di Sabah.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sejumlah 97 daripada 150 pegawai lantikan tetap diarahkan melapor diri di Sabah pada 2 Ogos dan 1 September manakala 50 pegawai perubatan akan ditawarkan pelantikan tetap bermula 13 September ini.

Beliau berkata, baki keperluan pegawai perubatan akan ditampung melalui pengisian pegawai perubatan siswazah.

"Saya juga akan memastikan 78 penolong pegawai perubatan yang dimobilisasikan ke Selangor tempoh hari akan di-

plungkan ke Sabah.

"Saya percaya, sebahagian besar atau semua akan melapor diri ke Sabah selewat-lwatnya akhir minggu ini," katanya pada sidang akhbar selepas pengperutusan mesyuarat Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (CITEF) Peringkat Negeri Sabah, di Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah (PPNS) pada Isnin.

Pada masa sama, Khairy Jamaluddin berkata, menerusi penghantaran sebanyak 2.9 juta dos vaksin pada September ini diyakini dapat meningkatkan lagi kadar vaksinasi harian di Sabah iaitu kepada 60,000 hingga 70,000 suntikan sehari.

"Kita menasarkankan 60 peratus penduduk dewasa Sabah akan lengkap vaksinasi akhir

September ini dan 80 peratus daripada penduduk dewasa di Sabah akan lengkap vaksinasi pada akhir bulan Oktober.

"Justeru, kita perbanyakkan program *mobile outreach* dan kerajaan negeri serta Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) akan merancang lebih 130 program *outreach* dalam September yang melibatkan program vaksinasi *mobile* di luar," katanya.

Beliau sebelum ini turut memaklumkan program vaksinasi kepada golongan remaja di negeri ini akan dimulakan pada Oktober depan selepas Sabah berjaya mencapai 80 peratus jumlah populasi dewasa yang divaksinasi.

17,352 kes baharu, Sarawak rekod kes tertinggi

PUTRAJAYA - Kes baharu positif Covid-19 menunjukkan penurunan selepas sebanyak 17,352 kes dilaporkan pada Isnin.

Sarawak muncul negeri tertinggi merekodkan kes Covid-19 dengan 3,714 kes, Selangor (2,126), Johor (2,101), Sabah (1,844), Kedah (1,599), Pulau Pinang (1,558), Kelantan (1,213) dan Perak (1,082).

Negeri yang melaporkan kes baharu tiga angka adalah Terengganu (700), Pahang (463), Melaka (295), Negeri Sembilan (193), Perlis (38), Putrajaya (23) dan Labuan (dua).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, lebih separuh kes baharu iaitu 11,441 (65.9 peratus) adalah pesakit yang tiada sejarah vaksinasi, telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin atau telah menerima dua dos vaksin tetapi tidak melebihi 14 hari dari tarikh dos kedua.

"Bakinya, 5,911 kes (34.1 peratus) mempunyai sejarah vaksinasi lengkap," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, daripada 268 kes kategori tiga hingga lima, sebanyak 191 kes (71.3 peratus) terdiri daripada mereka yang tiada sejarah vaksinasi atau tidak lengkap vaksinasi.

"Hanya 77 kes (28.7 peratus) daripada mereka yang telah leng-

kap divaksinasi," katanya.

Beliau berkata, situasi itu jelas menunjukkan mereka yang lengkap divaksinasi adalah lebih terlindung dan kurang berisiko mendapat jangkitan Covid-19 yang teruk.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 20,201 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhannya, 1,591,028 kes.

"Sebanyak 252,668 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) melibatkan 1,355 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan," katanya.

"Kes yang memerlukan bantuan pernafasan adalah 745 kes terdiri daripada 310 kes disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan," katanya.

Tambah beliau, terdapat 272 kes kematian baharu membabitkan 227 rakyat tempatan dan 45 warga asing.

"Daripada jumlah itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut merekodkan 81 kes kematian di rumah atau di luar fasiliti kesihatan (BID) melibatkan 56 rakyat tempatan dan 25 warga asing," katanya.


Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 30 kluster baharu dikenal pasti menjadikan jumlah keseluruhannya 4,921 kluster.

"Terdapat 16 kluster tempat kerja, tujuh kluster komuniti, empat kluster kumpulan berisiko tinggi, dua kluster institusi pendidikan dan satu kluster pusat tahanan," katanya.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

STATUS VAKSINASI KES COVID-19 HARIAN MENGIKUT KATEGORI 6 SEPT 2021



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

| | | | | | | | | | | | |
|---------------------|-----------|--------|-----------|------|-----|-----------|--------|-------------|--------|-----------------|------------|
| JUMLAH KESELURUHAN: | 1,862,187 | PULIH: | 1,591,028 | ICU: | 975 | KEMATIAN: | 18,491 | KES BAHARU: | 17,352 | SUDAH DIVAKSIN: | 36,431,562 |
|---------------------|-----------|--------|-----------|------|-----|-----------|--------|-------------|--------|-----------------|------------|

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 6 September 2021

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

PRIORITY FOR THOSE AGED 16-17

'TEENS TO GET JABS ONCE 80PC OF ADULTS VACCINATED'

This will be subject to availability of vaccine supply, says health minister

OLIVIA MIWIL
 KOTA KINABALU
 news@nst.com.my

COVID-19 vaccination for adolescents aged between 12 and 17 will begin once a state has fully vaccinated at least 80 per cent of its adult population.

Health Minister Khairy Jamaluddin said this, however, would be subject to vaccine availability.

"Sarawak will begin vaccinating its teenagers this week (Wednesday) because 80 per cent of its adult population have been inoculated.

"Once we have enough supply and a state has reached the 80 per cent threshold of vaccinated adults, we will recommend adolescent vaccination.

"Our focus will be on children under 18, who are in the high-risk group. We have the updated clinical guidelines and those aged 16 to 17 will be prioritised first."

Khairy said this after chairing a meeting with the Sabah Covid-19 Immunisation Task Force at the Sabah Administrative Centre here yesterday.

This marked Khairy's first visit to Sabah as health minister.

Present were Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor, state Covid-19 spokesman Datuk Seri Masidi Manjun, state Health executive councillor Shahelmey Yahya and state Health director Dr Rose Nani Mudin.

Khairy said if Sabah fully vaccinated its adult population by October, it could begin vaccinating its adolescents.

On the need for the one-dose CanSino vaccine, especially by people in the interior areas of Sabah, he said Malaysia would receive 300,000 doses of the vaccine this month, with Sabah getting the proportion it was supposed to from this supply.

"According to the schedule, Malaysia will receive 100,000 doses (of the CanSino vaccine) next week and another 200,000 doses at the end of this month, bringing the total to only 300,000 doses due to insufficient global supply.

"We expect to receive more of this vaccine in October and



Sabah will definitely be among the states to be given priority."

Khairy said Sabah would receive 2.89 million doses of the Covid-19 vaccine this month to boost the state's vaccination drive.

He said with the delivery of the vaccine supply, the government was confident that Sabah could increase its vaccination rate to 60,000 or 70,000 doses daily to enable 60 per cent of the state's adult population to be vaccinated by the end of this month.

The authorities, he said, were maintaining its target of fully vaccinating 60 per cent of the state's adult population by the end of this month and 80 per cent by the end of next month.

"To achieve this target, we will hold more mobile outreach programmes. The state government and Health Department will plan over 130 outreach programmes this month and the next."

Khairy said the Health Ministry would also supply the state with additional medical equipment, comprising 480 oxygen cylinders, 24 boxes of oxygen regulators and five boxes of Covid-19 medication, which were scheduled to arrive today.




Health Minister Khairy Jamaluddin (left) and Sabah Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor at a press conference in Kota Kinabalu yesterday. PIC BY MOHD ADAM ARININ

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS



A man getting a dose of the Covid-19 vaccine at the Encore Hall vaccination centre in Melaka yesterday. PIC BY SWAFED AHMAD

He said the ministry had also provided a modular Intensive Care Unit with a capacity of 10 beds at Tawau Hospital.

Khairy said the ministry would also provide 29 additional ambulances for hospitals in Sabah and mobilise medical personnel to the state, with 97 of the 150 permanent officers ordered to report in Sabah on Aug 2 and Sept 1.

"Fifty of the additional medical officers will be offered permanent posts beginning Sept 13 and the balance of the requirement will be filled by graduate medical officers, while the 78 assistant medical officers who were mobilised to Selangor will return to Sabah, at the latest by the end of this week.

"Currently, the capacity of the Intensive Care Units (ICU) in Sabah is at 90 per cent and the ventilators at 46 per cent.

"I will discuss Sabah's projection for the coming weeks to ensure a sufficient ICU capacity and oxygen supply."

Page 1 pic: Students observing physical distancing as they enter SMK Matang Jaya in Kuching recently.

Covid-19 death rate in Klang Valley to see dip

KOTA KINABALU: The Klang Valley should begin seeing a reduction in Covid-19 deaths within two to three weeks, Health Minister Khairy Jamaluddin said.

This, he said, should be achieved once the authorities cleared the "backlog" on deaths.

He said the current numbers did not necessarily reflect the deaths that have occurred over the past 24 hours.

"For the Klang Valley, we will see a drop in deaths in two to three weeks once we clear the backlog. We will reveal on Wednesday a new set of data (on deaths).

"There is a long backlog of death cases as we need to confirm

whether the deceased really did die of Covid-19. These deaths did not happen in the last 24 hours."

Khairy was asked on the high number of deaths, particularly in the Klang Valley, which had one of the highest vaccination rates in the country.

He was also asked to address the high number of brought-in-dead Covid-19 cases.

On this, Khairy said many of the BID cases were those who did not go for Covid-19 testing prior to their death and thus, were not placed under the surveillance of healthcare facilities.

"Most of these cases involved those who were not under the

care of the Health Ministry or its (healthcare) facilities. We want to ensure they get reference and are placed under our care.

"If they are under home quarantine, they should conduct observation and upload their health status. When they display symptoms, (by updating via the system), we can conduct an intervention."

He said for those not under surveillance, including those in Sabah where BID cases were high among the migrant population, the onus fell on community leaders and society and he encouraged those infected to seek treatment at the nearest clinic.

Daily infection cases drop below 18,000 mark

KUALA LUMPUR: Malaysia recorded a total of 17,352 new Covid-19 infections yesterday, bringing the daily caseload below the 18,000 mark for the first time in two weeks.

The last time the country's new cases tally dipped under the 18,000 mark was on Aug 23, when 17,672 new cases were recorded.

The daily infections were also the lowest since Aug 9, when 17,236 cases were reported.

Yesterday's numbers brought the overall total of Covid-19 cases to 1,862,197.

From the new infections, eight were imported cases, with the

rest being local transmissions. Another shift in case numbers was also recorded yesterday when after many months, Sarawak overtook Selangor in terms of new daily cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Sarawak recorded 3,714 cases, with Selangor coming in second with 2,126 cases.

This was followed by Johor with 2,101 cases, Sabah with 1,884 cases, Kedah with 1,599 cases, Penang with 1,558 cases and Kelantan with 1,213 cases.

States which recorded triple digit cases were Terengganu with

700 cases, Pahang with 463 cases, Kuala Lumpur with 398 cases, Melaka with 295 cases and Negeri Sembilan with 193 cases.

Labuan recorded five new cases yesterday, while Putrajaya had 23 cases and Perlis 38.

On fatalities, Dr Noor Hisham said 272 deaths were recorded yesterday, pushing the country's Covid-19 death toll to 18,491.

He said the ministry recorded 20,201 recoveries, which brought total recoveries to 1,591,028.

"There are 975 patients being treated in the Intensive Care Units with 435 of them requiring breathing assistance."

Putrajaya Hospital's vaccination centre ready to inoculate teens

PUTRAJAYA: Putrajaya Hospital has made all the necessary preparations to administer Covid-19 vaccine to teenagers 18 years and below at the hospital's special vaccination centre.

Putrajaya Hospital Public Health Unit chief and Vaccine Programme chief coordinator Dr Siti Alia Elliza said the hospital was awaiting orders from the government to carry out the inoculation drive.

She said the teenagers who will be inoculated at the special vaccination centre were those who had been referred to by the hospital's own medical specialists, as well by external healthcare and vaccination centres.

"We have administered Comirnaty vaccine doses to 5,115 recipients since May," she said at a handing-over ceremony of an air-conditioned canopy for the special vaccination centre from Putrajaya Holdings Sdn Bhd yesterday.

Present was Putrajaya Holdings

general manager (marketing, sales and rental) Sabariah Ramli.

The special vaccination centre, which will operate outside the hospital, was completed in cooperation with Putrajaya Holdings and was meant to boost the vaccination rollout.

It was reported recently that teenagers below 18 years old would receive the Covid-19 vaccine next week.

Health Minister Khairy Jamaluddin said the drive will kick off in Sarawak since the state had reached a vaccination rate of 80 per cent of its adult population.

Dr Siti Alia said the Putrajaya Hospital special vaccination centre began Phase 2 of the inoculation drive since May and Phase 3 since July.

Before operations were moved to the canopy, the hospital could only vaccinate 90 people daily, but it has since doubled the number.

A total of 2,300 frontliners at the hospital had also been vac-

inated and only a few had yet to be inoculated due to health issues or pregnancy.

"The special vaccination centre programme here will operate until June next year and will also involve vaccination for teenagers below 18 years old," Dr Siti Alia added.

Meanwhile, the Johor government hoped the federal government will expedite vaccination for those under 18.

Menteri Besar Datuk Hasni Mohammad told the State Assembly yesterday that providing vaccine to the group was more important than giving a third or booster dose to those who had already been vaccinated.

"What is more important is to provide vaccines for students under 18 years old," he said in response to a supplementary question from Yeo Tung Siong (PH-Pekan Nanas), who wanted to know whether the state government was planning to provide a booster dose for frontliners.

Up to Sunday, Hasni said 83.1 per cent of the adult population in the state had received at least one dose, and 52.6 per cent had completed the vaccination.

Earlier, Hasni said Johor would receive a donation of 100,640 doses of the Pfizer-BioNTech vaccine from the Singaporean government.

In expressing gratitude to the Singaporean government, Hasni said Singapore had also contributed 20,000 doses of the Sinovac vaccine to Johor on July 29.

"The state government also received 300,000 doses of the Sinopharm vaccine from the United Arab Emirates government," he said, and thanked former foreign minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein for them.

Since the Covid-19 National Immunisation Programme was launched in March, Johor had received 4,713,800 doses of the Covid-19 vaccine up to Sunday.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS / NATION

TOWARDS HERD IMMUNITY

Kelantan records 5,000 walk-in jabs on Sunday

KOTA BARU: More than 5,000 people got their Covid-19 vaccinations on Sunday by walking in to 21 vaccination centres in the state.

State Health director Datuk Dr Zaini Hussin said the department estimated that more than 10,000 people would get vaccinated through this method.

"In our meeting on Saturday, the department decided to allow the public to get their vaccine jabs via walk-in, which will involve 10,740 people, based on My-Sejahtera registrations.

"The number of people who turned up yesterday (Sunday) was overwhelming, with more than half of the targeted number visiting the 21 vaccination centres."

He said this after the state-level

National Security Council meeting here yesterday.

Dr Zaini said the department was confident that the state could achieve its target of vaccinating 80 per cent of adults by the end of the month.

"With this kind of response and also with the extra 1.2 million vaccine doses that we will get this month, we are confident that Kelantan will reach herd immunity by the end of this month.

"We are inoculating between 32,000 and 35,000 people per day," he said.

He said Kelantan was ready to vaccinate children aged below 18 before schools reopened next month.

He said Kelantan had more than 130,000 students aged between 12 and 17.



People waiting to get vaccinated against Covid-19 in Pengkalan Chepa, Kelantan, on Sunday. PIC BY NIK ABDULLAH NIK OMAR

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

Supplies on the way to Sabah

Emergency medical shipment needed to combat Covid-19

By KRISTY INUS
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Emergency medical supplies are being flown to Sabah to help overstretched medical facilities and health frontliners to meet unabating Covid-19 cases across the state.

Health Minister Khairy Jamaluddin said the Armed Forces would fly in 480 units of oxygen cylinders, 24 boxes of oxygen regulators and five boxes of Covid-19 medicines today.

"We hope the additional medical supplies will help mitigate the Covid-19 situation here," he told reporters at the state-level Covid-19 Immunisation Task Force (CITF) meeting with Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor yesterday.

Khairy said that modular intensive care units (ICU) with 10 beds would also be placed at the army's field hospital in Tawau to cope with cases in the east coast districts.

He said that to date, Sabah had 27 dedicated Covid-19 hospitals with a total of 151 ICU beds and 1,743 beds for Covid-19 patients not needing intensive care support.

"The Health Ministry will also provide 29 additional ambulances for hospitals across Sabah," he added.

He also announced that the ministry's manpower would be mobilised to assist staff in Sabah.



Sharing ideas: Hajiji (centre) attending a meeting with Khairy (right) on the state-level Covid-19 Immunisation Task Force at Menara Kinabalu. — Bernama

"A total of 97 of the 150 permanently appointed officers have been ordered to report for duty in this state on Aug 2 and Sept 1, while 50 additional medical officers are offered permanent appointments starting Sept 13.

"The remainder of the medical officers needed will be filled by housemen.

"I will also ensure that the 78 medical assistant officers that were mobilised for Selangor previously

will be returned to Sabah. Most will report for duty here latest by end of this week," he said.

On another development, Khairy said Sabah was expected to start vaccinating the adolescent group around the end of October once the target for herd immunity is reached.

He said with the Federal Government already committed to sending 2.89 million vaccine doses to Sabah this month, they were con-

fident that Sabah would be able to provide between 60,000 and 70,000 jabs a day.

"We are still maintaining the target which is 60% of the adult population in Sabah will be fully immunised by the end of September, and 80% of the population will be fully immunised by the end of October.

"Once we reach the targeted adult population vaccination rate, or as we near 80% in October, we can start vaccinating the adolescents in Sabah," he said.

Asked whether they plan to apply this rule to all the other states, Khairy said this would be recommended when there was adequate vaccine supply.

"Our focus will be on high-risk teenagers, targeting those aged 16 to 17 before going lower," he added.

On whether Sabah will receive more single-dose CanSino vaccines to cater for those in rural areas, Khairy said they were still waiting for 100,000 doses to be delivered to Malaysia by next week and 200,000 more by the end of September.

"So we will only get 300,000 for September because of global demand, and we will make distribution to Sabah accordingly.

"In October, we should expect more CanSino vaccines and, of course, Sabah will be among the states to be given priority for this single-dose vaccine," he said.

Records backlog cause of high death figures

KOTA KINABALU: The backlog in recording Covid-19 deaths are contributing to the daily numbers of fatalities in areas with high vaccination rates, such as the Klang Valley and Sarawak, says Health Minister Khairy Jamaluddin.

However, these numbers can be expected to reduce over the next two or three weeks, he said at the press conference after the Sabah state-level Covid-19 Immunisation Task Force meeting here yesterday.

"The deaths announced every day is not within the last 24 hours, there is a huge delay as we need to confirm if the deaths are really caused by Covid-19 or not," he said.

At the same time, he noted that brought-in-dead (BID) cases mostly involved individuals who were not being monitored by the Health Ministry or medical facilities.

"In Sabah, for example, I have asked that community leaders and neighbours be engaged to monitor those who may have symptoms but have not undergone Covid-19 testing.

"There's also a challenge as some BID cases are non-citizens who were unwilling to come forward to get help," he added.

Meanwhile, he said the Delta variant was the main variant of concern locally. Genomic surveillance is being carried out to monitor the virus.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Sarawak overtakes Selangor with highest number of daily cases

PETALING JAYA: Malaysia's daily new Covid-19 cases dipped below the 20,000 mark again with 17,352 cases recorded.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Sarawak had overtaken Selangor with the most daily cases at 3,714.

Selangor recorded 2,126 cases, followed by Johor with 1,844 and Kedah with 1,599.

Dr Noor Hisham said 17,084 cases were in Categories 1 and 2, while the remaining 268

were in Categories 3, 4 and 5.

"A total of 11,250 cases or 65.9% of those in Categories 1 and 2 while 191 cases (71.3%) of those in Categories 3, 4 and 5 were either not fully vaccinated or unvaccinated," he added.

Dr Noor Hisham said 272 Covid-19 fatalities were also recorded yesterday, bringing the total death toll to 18,491.

"Of this number, 227 were locals while 45 were foreigners," he said, adding that 81 were

brought-in-dead cases.

Selangor and Johor had the most number of deaths at 63 each, followed by Sabah (31), Kuala Lumpur (21) and Penang (20).

As of 5pm on Sunday, usage of the 77 intensive care unit (ICU) beds in Penang had reached 94% while the 830 non-ICU beds had hit 122% usage.

In Perlis, usage of the 195 non-ICU beds had reached 109%.

Dr Noor Hisham said 30 new clusters had been identified, with 16 of them linked to workplaces, seven to communities, four to high-risk groups, two to educational institutions and one to a detention centre.

Meanwhile, the Health Ministry said the country's infectivity rate or R-naught (R0) was below 1.0 at 0.96, with Sarawak recording the highest at 1.17, followed by Perlis (1.15) and Johor (1.10).